

Gaya Bahasa Dalam Ucapan Menteri Keselamatan Negara Malaysia Semasa Pandemik COVID-19

Language Style In The Speech Of The Minister Of National Security Of Malaysia During The COVID-19 Pandemic

Nursabrina Yahya
¹Harishon Radzi

Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹naslin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Negara Malaysia yang dilanda wabak pandemik Covid-19 telah menimbulkan keresahan rakyat. Jadi, dalam menangani wabak ini pihak kerajaan telah menggunakan platform media siaran langsung yang diwakili oleh Menteri Keselamatan Negara (MKN) untuk menyampaikan maklumat sah kepada rakyat. Sehubungan dengan itu, penelitian kajian ini berfokus terhadap penggunaan gaya bahasa dalam ucapan Menteri Keselamatan Negara Malaysia semasa pandemik Covid-19. Objektif pertama kajian ini ialah mengklasifikasikan kekerapan penggunaan gaya bahasa dalam ucapan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Berikutnya, objektif kedua ialah untuk menghuraikan gaya bahasa yang digunakan dalam ucapan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengikut isu penting wabak pandemik Covid-19. Kaedah penelitian mendapatkan data menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif yang kemudiannya dianalisis berdasarkan kerangka Gorys Keraf. Sumber data daripada Youtube telah ditranskripsi dalam bentuk teks. Hasil penelitian telah menemui dua jenis gaya bahasa yang digunakan termasuklah gaya bahasa yang kerap digunakan berdasarkan pilihan kata iaitu gaya rasmi dan gaya bahasa berdasarkan nada iaitu gaya sederhana serta mulia dan bertenaga. Ternyata penggunaan gaya bahasa tertentu Menteri Keselamatan Negara (MKN) sewaktu menyampaikan makluman Covid-19 dalam media siaran langsung telah mewujudkan ciri khas dalam dirinya. Selain itu, kajian ini dapat membuktikan bahawa gaya bahasa memainkan peranan tersendiri sebagai unsur penyerlahan menyampaikan maklumat berdasarkan konteks tertentu. Tambahan pula, pandemik Covid-19 merupakan satu wabak yang sangat berbahaya yang turut memberi kesan kepada rakyat Malaysia

Kata Kunci: *Gaya Bahasa, Pandemik, Covid-19, MKN, Youtube*

ABSTRACT

Malaysia, which has been hit by the Covid-19 pandemic, has created unrest among the people. So, in the form of this epidemic, the government has used the live broadcast media platform represented by the Minister of National Security (MKN) to convey authentic information to the people. Accordingly, this study focuses on the use of language style in the speech of the

Minister of National Security of Malaysia during the Covid-19 pandemic. The first objective of this study is to classify the frequency of use of language style in the speech of Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Specifically, the second objective is to describe the style of language used in Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob's speech according to the important issues of the Covid-19 pandemic. The study method obtained data using qualitative descriptive which was then analyzed based on Gorys Keraf framework. The data source from Youtube has been transcribed in text form. The results of the study have done two types of language style used including language style that is often used based on the choice of formal style words and basic language style tone style medium as well as humble and energetic. It turns out that the use of certain language styles of the Minister of National Security (MKN) time that Covid-19 alert in the live broadcast media has a special feature in itself. Moreover, this study can prove that language style plays its own role as non -highlighting provides information based on specific information. Furthermore, the Covid-19 pandemic is a very dangerous epidemic that also affects Malaysians.

Keywords: Language Style, Pandemic, Covid-19, MKN, Youtube

1. Pengenalan

Bahasa dapat dipergunakan dalam komunikasi dengan pelbagai gaya. Gaya atau *style* perkataan asalnya adalah daripada perkataan Latin iaitu *stilus*. *Kamus Dewan Edisi ke-4* pada tahun 2005 pula mendefinisikan gaya sebagai cara menulis atau bertutur serta cara membuat sesuatu yang menjadikan ciri kepada sesuatu zaman atau seseorang. Gaya bahasa adalah penggunaan bahasa seseorang dalam pertuturan dan penulisan dengan penggunaan ragam tertentu untuk menimbulkan kesan tertentu kepada pendengar (*Kamus Linguistik* 1997). Menurut Gorys Keraf (2010) gaya dikenali dalam retorik dengan istilah *style*. Jadi, gaya bahasa dapat melaksanakan cara pengungkapan pemikiran melalui bahasa secara khas yang memperlihatkan jiwa dan keperibadian seseorang yang menggunakan bahasa. Dengan kata yang mudah, gaya bahasa ini dapat digunakan secara meluas sama ada secara lisan mahupun tulisan. Tambahan lagi, Rahman Shaari (1997) menyatakan bahawa bahasa ialah pakaian fikiran manakala, gaya bahasa ialah fesyen kepada pakaian tersebut. Oleh itu, seseorang yang menggunakan gaya bahasa dalam pertuturannya dapat mempengaruhi pendengar atau pembaca.

Gorys Keraf (2002) menyatakan bahawa gaya bahasa adalah cara mengungkapkan pemikiran melalui bahasa. Jadi, setiap orang mestilah mempunyai gaya bahasa yang berbeza dalam kehidupan harian yang digunakan mengikut situasi, keadaan atau suasana. Oleh itu, terdapat beberapa jenis gaya yang sering digunakan dalam kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa gaya bahasa sangat meluas penggunaannya. Pertama adalah gaya bahasa perbandingan yang terdiri daripada metafora, personifikasi, hiperbola dan eufimisme. Menurut Rahman Shaari (1997) **metafora** adalah penggunaan kata yang menerbitkan makna yang lain daripada makna tersurat. Maksud **personifikasi** pula merujuk kepada perbandingan antara benda mati atau tidak bernyawa yang mempunyai sifat kemanusiaan. **Hiperbola** disebut sebagai kiasan perbandingan yang mana meletakkan sesuatu keadaan atau peristiwa dengan cara berlebihan (Keris Mas 1990). Manakala, **eufimisme** pula bermaksud menggantikan sesuatu maksud dengan kata yang lain yang hampir sama maknanya bagi menggantikan kata-kata yang kasar atau kurang sopan.

Gaya bahasa penegasan pula terdiri daripada repetisi, paralelisme, klimaks, inversi dan elipsis. **Repetisi** bermaksud mengulang sesuatu perkataan berkali-kali dalam konteks yang lain untuk menunjukkan penegasan sesuatu ayat tersebut. **Paralelisme** mempunyai dua kategori iaitu anafora dan epifora yang mana anafora adalah pengulangan di awal ayat manakala, epifora adalah pengulangan perkataan di akhir ayat. Maksud **klimaks** merujuk kepadapenegasan dan pernyataan beberapa perkara yang berulang-ulang. **Inversi** pula adalah penyusunan ayat semula daripada ayat asal dan **Elipsis** merupakan pengguguran sebahagian kata di dalam ayat yang mengekalkan kata yang penting sahaja. Selain itu, gaya bahasa pertentangan yang merangkumi paradoks, okupasi dan antitesis. **Paradoks** bermaksud pernyataan yang menggunakan unsur positif dan negatif dalam konteks ayatnya tetapi mempunyai kebenaran dengan pendapat umum dan realiti. **Okupasi** pula menunjukkan ayat bantahan terhadap sesuatu dan memberi penjelasan terhadap bantahan tersebut. **Antitesis** pula merujuk kepada penggunaan kata dalam frasa atau ayat untuk mendapatkan kesan perbezaan atau pertentangan yang seimbang. Jenis gaya bahasa yang terahir adalah gaya bahasa sindiran yang terdiri daripada ironi dan sinisme. **Ironi** adalah gaya bahasa yang menyatakan sesuatu hal yang berbeza dan bertentangan dengan fakta sebenar dan **Sinisme** pula bermaksud sindiran yang berbentuk kesangsian yang mana lebih kasar berbanding Ironi

Konteks perbincangan data terfokus kepada fenomenakrisis kesihatan Covid-19 yang telah memperkenalkan cabaran baharu untuk memperoleh maklumat kesihatan yang berkesan di seluruh dunia. Kajian lepas menunjukkan bahawa keriuhan media yang melanda krisis kesihatan telah menimbulkan rasa panik dan ketidakpastian dalam kalangan masyarakat (Arina Anis Azlan et al. 2020). Menurut Arina Anis Azlan et. al (2020) lagi, menyatakan bahawa dalam konteks Covid-19 ini diburukkan lagi apabila kemunculan maklumat yang salah dimuat naik dalam media sosial. Namun, dalam situasi pandemik ini terdapat peningkatan kepercayaan kepada pemerintah dan pihak kesihatan untuk menguruskan masalah tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kunci untuk pengurangan kes dan kawalan penyakit Covid-19 adalah dengan memberikan maklumat yang jelas, konsisten dan boleh dipercayai.

Menurut Fauzi Suhaimi (2020) dalam www.astroawani.com menyatakan istilah pandemik merujuk kepada wabak yang menyerang dalam skop yang lebih besar dan tidak terhad pada sesuatu komuniti atau daerah yang bermulanya dari epidemik yang mana penyakit tidak boleh dikawal dan boleh membunuh sesiapa sahaja dalam masa yang singkat. Antara penyakit pandemik ini adalah HIV dan AIDS dan kini telah membimbangkan seluruh dunia adalah penyakit koronavirus / Covid-19 yang telah diiktirafkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Oleh itu, sangat penting dalam mengetahui dan mengkaji berkaitan penularan wabak penyakit pandemik Covid-19 dan dikaitkan dengan bidang bahasa.

Bagi menjelaskan lebih lanjut mengenai Covid-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (www.myhealth.gov.my) telah menyatakan bahawa Covid-19 adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan atau dikenali sebagai *Coronavirus* (CoV) yang telah ditemui di China. Menurut Noremy Md. Akhir, Adi Fahrudin dan Aizan Sofia Amin (2020), penularan virus dan wabak penyakit berjangkit yang tidak terkawal ini dikategorikan sebagai bencana. Penularan Covid-19 telah meluas kepada 150 buah negara di seluruh dunia termasuklah Malaysia yang menyebabkan WHO mengisytiharkan penularan wabak ini sebagai satu pandemik yang memberi ancaman kepada kesihatan dan kesejahteraan global. Kesan daripada krisis ini telah memberi kesan yang besar kepada ekonomi dan sosial masyarakat di Malaysia yang telah menyebabkan Malaysia melaksanakan sekatan aktiviti sosial termasuklah aktiviti keagamaan, sosial, sukan dan budaya (Noremy Md. Akhir, Adi Fahrudin dan Aizan Sofia Amin 2020). Oleh itu, wabak penyakit virus Covid-19 ini sangat perlu dititikberatkan kerana bukan setakat aspek luaran sahaja yang terkesan malah aspek dalaman juga seperti faktor emosi, tekanan dan kemurungan juga mendapat kesannya

Datuk Sri Ismail Sabri Yaakob sebagai Menteri Kanan telah dilantik sebagai jurucakap dalam sidang media harian untuk isu keselamatan selepas dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu. Beliau yang merupakan Menteri Pertahanan ini telah menjadi wajah kesayangan rakyat Malaysia serta mewakili Menteri Keselamatan Negara (MKN) untuk menyampaikan laporan perkembangan harian selain daripada pembentangan yang disampaikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai isu kesihatan. Beliau merupakan seorang anak kelahiran Temerloh, Pahang yang telah bergiat aktif dalam politik sejak 1987 serta ahli parlimen Bera daripada parti UMNO. Manakala, selepas kemelut politik Malaysia pada tahun 2020 beliau telah menyertai parti Perikatan Nasional (Bernama 2020). Seterusnya, dalam sidang media yang disampaikan oleh beliau terdapat juga soal jawab daripada pihak media. Datuk Sri Ismail Sabri Yaakob telah menjawab soalan daripada wartawan dengan mudah dan kadangkala sambil berjenaka untuk menunjukkan keyakinan supaya rakyat dapat mematuhi arahan dan mendengar nasihat daripada beliau. Selain itu, pengumuman harian mengenai wabak pandemik Covid-19 sangat penting kepada rakyat untuk memastikan maklumat berkaitan Covid-19 disampaikan terus kepada orang ramai. Hal ini bertujuan bagi mengelakkan orang ramai tidak mendapatkan info dan maklumat yang tidak sah dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang kabur di media sosial.

Sidang media yang disampaikan oleh Datuk Sri Ismail Sabri Yaakob mengenai Covid-19 juga dimuat naik dalam *Youtube*. *Youtube* merupakan laman web atau dikenali sebagai 'website'. *Youtube* sangat popular yang mana salah satunya laman sesawang yang sentiasa diakses oleh masyarakat di seluruh dunia. Hal ini disebabkan oleh *Youtube* boleh dilayari menerusi penggunaan internet sahaja dengan menaip perkataan *Youtube* di *Google*. Bukan itu sahaja, video yang dimuat naik di laman ini juga boleh ditonton kepada semua orang merentasi sempadan antarabangsa. Menurut Siti Norsyahida Mohd A. Rashid (2016) yang memetik pernyataan daripada Ronald J. Chenail (2008) menyatakan bahawa *Youtube* ini mampu menjadikan kajian berdasarkan penelitian secara kualitatif. Hal ini dikatakan demikian kerana ucapan dalam sidang media yang disampaikan oleh MKN juga penting diteliti kerana keberkesanan sesuatu ucapan tersebut membantu masyarakat dalam mengurangkan kepanikan dalam menghadapi wabak Covid-19 serta memperoleh maklumat-maklumat terkini yang sah setiap hari melalui *Youtube*.

1.1 Permasalahan Kajian

Pengkaji ingin memperbaharui kajian gaya bahasa dengan mengkaji gaya bahasa dalam ucapan lisan oleh seorang tokoh yang dipertanggungjawabkan menyampaikan maklumat pandemik Covid-19 yang telah melanda negara Malaysia. Hal ini disebabkan oleh ucapan tersebut adalah ucapan yang hampir setiap minggu ditayangkan dalam sidang media khas dan dimuat naik ke dalam media sosial. Bagi menyelesaikan permasalahan yang wujud, pengkaji wajar untuk mengkaji gaya bahasa dalam ucapan oleh seorang tokoh Menteri Keselamatan Negara (MKN) iaitu Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kerana ingin menghuraikan gaya bahasa yang digunakannya ketika berucap dalam situasi besar ini supaya segala maklumat dapat disampaikan dengan baik dan berkesan kepada rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan kajian lepas terdapat kajian lepas yang mengkaji gaya bahasa dalam ucapan teks sahaja. Antaranya kajian Khazri Othman et al. (2020) yang hanya memfokuskan gaya bahasa simile dalam hadis ashraf al-sa'ah. Kajian ini dibuat dengan kajian korpus data iaitu daripada teks bertulis. Kehadiran simile dalam ungkapan amat penting untuk meringkaskan ayat, mengelakkan kekeliruan, menegaskan maksud dan melambangkan sifat atau keadaan yang keterlaluan.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Eli Syarifah Aeni dan Yusep Ahmadi F. (2021) yang telah mengkaji analisis kesalahan diksi dan gaya bahasa pidato pejabat pemerintahan berkaitan dengan pandemi Covid-19. Kajian ini menumpukan pada dua aspek iaitu menganalisis kesalahan diksi dan juga gaya bahasa yang digunakan oleh pemerintah dalam ujaran atau pidato berkaitan Covid-19. Kesalahan diksi yang ditemukan dalam pidato-pidato pejabat berkaitan dengan Covid-19 meliputi kesalahan fonologi, morfologi, ejaan, sintaksis dan wacana. Manakala, gaya bahasa yang digunakan dalam ujaran mengenai pandemik Covid-19 ini adalah meliputi gaya bahasa paralelisme, klimaks, antiklimaks, asosiasi, repetisi, dan pleonasme. Oleh itu, pengkaji dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan walaupun fokus kajian ini di luar negara tetapi masih berkait mengenai wabak pandemik Covid-19.

2. Sorotan Literatur

Penelitian terhadap kajian lepas menunjukkan fokus terhadap aspek gaya bahasa dan dikaitkan dengan pandemik Covid-19 belum dijumpai. Namun, terdapat kajian mengenai gaya bahasa yang tertumpu dalam ucapan lisan. Antaranya adalah kajian yang dilakukan oleh Norida Berhan dan Zulkifley Hamid (2012) yang bertajuk 'Retorik Gaya dalam Membentuk Karakter Bangsa' dapat membantu pengkaji untuk transkripsi ucapan lisan oleh tokoh yang dipilih kerana kajian ini juga mempunyai persamaan dari segi mentranskripsi yang mana kajian ini telah transkripsikan empat buah teks daripada kaset rakaman ceramah oleh empat tokoh yang terkenal yang telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ceramah politik dan agama yang hanya fokus pada beberapa gaya bahasa sahaja. Selain itu, aspek gaya bahasa kajian oleh Ninit Alfianika (2016)'Bahasa Betawi dan Gaya Bahasa Repetisi dalam Ceramah Ustad Yusuf Mansur Program Wisata Hati di ANTV' juga dapat membantu pengkaji dalam menganalisis data tetapi kekurangan kajian ini hanya meneliti gaya bahasa repetisi iaitu gaya bahasa pengulangan dan mengenal pasti bahasa Betawi dalam ceramah Ustad Yusuf Mansur sahaja. Malah, pengkaji akan meneliti pelbagai jenis gaya bahasa dalam ucapan oleh tokoh mengenai isu semasa dalam sidang media mengenai Covid-19. Oleh itu, persamaan daripada kajian lepas dalam memfokuskan dari aspek lisan dapat membantu pengkaji memantapkan lagi kajian.

Seterusnya, kajian oleh Harishon Radzi dan Nor Rasidah Mohamad Buhari (2021) yang bertajuk 'Dialek dalam Gaya Bahasa Lagu Pasukan Bola Sepak di Malaysia' telah meneliti lapan buah lagu Pasukan Bola Sepak termasuklah lagu bola Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Terengganu. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis secara deskriptif berdasarkan kepada prinsip penelitian oleh Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005) yang membincangkan beberapa gaya bahasa. Selain itu, pengkaji juga menggunakan teknik pemerhatian dan pentranskripsian untuk menganalisis data kajian iaitu klip video lagu pasukan bola sepak yang kesemuanya diambil daripada sumber *Youtube*. Berdasarkan analisis kajian, pengkaji hanya menemukan tiga jenis gaya bahasa sahaja dalam lirik lagu bola sepak iaitu gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa penyirnaan dan gaya bahasa pengulangan. Hasil analisis gaya bahasa tersebut secara tidak langsung akan memperlihatkan kewujudan penggunaan dialek. Oleh itu, lagu pasukan bola sepak mengikut negeri di Malaysia menunjukkan wujudnya penggunaan dialek. Malah, jalinan dialek gaya bahasa telah dikesan penggunaannya bagi mengukuhkan kekuatan mesej sesebuah lagu bola sepak.

Kajian analisis tingkah laku sosiologi masyarakat berasaskan teori interaksionisme melalui perangkaan data kes Covid-19 di Malaysia juga telah dilaksanakan oleh Noriha Basir, Mohamad Zaki Abdul Halim dan Ina Suryani (2020). Kajian ini telah mengumpul data daripada aplikasi telegram *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* yang mana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyampaikan setiap maklumat rasmi dan

terkini kepada masyarakat pengguna. Sumber *Big Data* yang mengumpulkan maklumat tentang Covid-19 telah dilanggan lebih 785 ribu individu setakat 28 April 2020. Kemudian, penganalisan data yang berkait dengan objektif kajian sahaja direkod dan dianalisis mengikut teori yang dipilih. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kes baharu yang dapat dilihat pada setiap hari sepanjang PKP 1.0 berlangsung menunjukkan tahap pematuhan terhadap PKP 1.0 oleh masyarakat Malaysia. Berdasarkan rekod kajian, pengkaji mendapati peratus penurunan kes ini telah menunjukkan perkembangan yang positif terhadap pematuhan masyarakat dalam tempoh pelaksanaan PKP 1.0. Jadi, pengkaji dapat menjadikan peratus penurunan kes ini sebagai rujukan disebabkan tumpuan pengkaji juga pada tempoh fasa PKP Walau bagaimanapun, kekurangan dan kelompongan kajian lepas ini dapat menjadikan kajian pengkaji lebih menarik dan unik

3. Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan daripada Gorys Keraf (2010) sebagai rujukan untuk menganalisis data-data lisan yang telah ditranskripsi dalam bentuk teks. Gorys Keraf (2010) telah mengkategorikan jenis-jenis gaya bahasa kepada gaya bahasa berdasarkan pilihan kata dan gaya bahasa berdasarkan nada. Secara ringkasnya, gaya bahasa bukan sahaja digunakan dalam karya sastera malah, kenyataan yang disampaikan dalam berita juga menggunakan gaya bahasa.

Pengkaji telah menjalankan kajian yang bersumberkan internet dan media sosial antaranya adalah *Youtube* bagi mendapatkan video sidang media yang disampaikan oleh Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam sidang media penuh semasa PKP 1.0. Namun, pengkaji akan memilih sidang media pada akhir fasa PKP 1.0 iaitu fasa 1 hingga fasa 4 sahaja yang bertarikh pada 30 Mac 2020, 14 April 2020, 28 April 2020 dan 12 Mei 2020. Bagi jumlah durasi sidang media yang dipilih adalah anggaran kurang daripada sejam. Hal ini disebabkan oleh setiap sidang media yang diucapkan oleh beliau tidak sama durasinya yang bergantung kepada maklumat yang ingin disampaikan mengenai perkembangan semasa Covid-19.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan penganalisan data, pengkaji menemui dua jenis gaya bahasa yakni gaya bahasa berdasarkan pilihan kata dan gaya bahasa berdasarkan nada mengikut teori yang dipilih. Pengkaji akan menyentuh mengenai kekerapan gaya bahasa yang digunakan oleh DSISY mengenai isu penting dalam pandemik Covid-19 pada fasa 1 hingga fasa 4. Jadi, pengkategorian jenis gaya bahasa tersebut dapat dijelaskan seperti di bawah:

4.1 Gaya Bahasa Berdasarkan Pilihan Kata

a) Gaya bahasa berdasarkan pilihan kata



Carta 4.1: Gaya bahasa berdasarkan pilihan kata

Berdasarkan carta di atas, gaya bahasa berdasarkan pilihan kata mempunyai tiga pecahan kecil iaitu gaya bahasa rasmi, gaya bahasa tidak rasmi dan gaya bahasa percakapan. Pengkaji hanya menemukan gaya bahasa rasmi sahaja digunakan oleh DSISY. Bahasa rasmi dalam konteks Malaysia ialah bahasa baku. Menurut *Tatabahasa Dewan* (2009) bahasa baku ini telah menjadi norma kebahasaan bagi seluruh masyarakat yang mana bahasa ini juga telah mengalami proses pengekodan. Selain itu, bahasa baku ini digunakan apabila masyarakat dari pelbagai dialek berkumpul dan berbincang sama juga seperti sidang media harian Covid-19 yang melibatkan rakyat Malaysia dan wartawan yang ternanti-nanti perkembangan isu-isu berkaitan Covid-19. Antara contoh ucapan DSISY adalah seperti berikut:

Contoh 1: Penggunaan gaya bahasa rasmi

Fasa 4: Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian, kadang-kadang kita lihat rakyat kita seolah-olah menganggap PKPB ini sudah tiada undang-undang yang dikenakan. Kita lihat ramai yang bebas merasakan kebebasan ini kebebasan tanpa syarat dan mula mengambil kesempatan untuk keluar beramai-ramai.

Contoh 2: Jawapan DSISY daripada soalan wartawan


Fasa 2 Soalan ke-2: Saya dimaklumkan oleh pihak PDRM bahawa semalam ramai keluar dan sebagainya itu betul memang ramai dari kebiasaannya. Ramai yang pergi ke bank untuk mengeluarkan wang mereka daripada bantuan BPN yang diberikan oleh kerajaan. Kita kata bantuan BPN boleh *check* secara *online* tapi mungkin ramai di kawasan luar bandar agak sukar jadi mereka keluar pergi ke bank.

Bahasa Melayu baku ialah variasi yang digunakan dalam sistem pendidikan, situasi rasmi seperti dalam ucapan, mesyuarat, persidangan dan dalam media massa *Tatabahasa Dewan* (2009). Oleh itu, pengkaji dapat katakan bahawa gaya bahasa rasmi kerap digunakan dalam ucapannya. Bagi menguatkan lagi bukti bahawa gaya bahasa rasmi yang digunakan oleh DSISY dengan meneliti pada contoh satu di atas yang mana beliau menggunakan kata sapaan yang sesuai iaitu '**Tuan-Tuan dan Puan-Puan**' dalam permulaan ucapannya.

Manakala, jawapan DSISY dalam contoh dua di atas telah diambil daripada soalan kedua yang telah diajukan oleh wartawan pada fasa 2 PKP 1.0 yang menunjukkan DSISY juga menggunakan gaya bahasa rasmi. Namun, terdapat gaya bahasa rasminya itu dipengaruhi oleh idiolek dan dialek sosial iaitu penggunaan perkataan bahasa Inggeris seperti '*online*' dan '*check*'. Hal ini dapat dibuktikan seperti yang dinyatakan dalam buku *Tatabahasa Dewan* (2009) bahawa disebabkan bahasa baku itu merupakan satu norma, maka dalam penggunaan dan pengalaman bahasa baku ini masih berlaku sedikit sebanyak variasi contohnya variasi idiolek, dialek dan dialek sosial tertentu.

4.2 *Gaya Bahasa Berdasarkan Nada*

b) *Gaya bahasa berdasarkan nada*



Carta 4.2: Gaya bahasa berdasarkan nada

Seterusnya, gaya bahasa sederhana serta gaya bahasa mulia dan bertenaga telah dikesan dalam penggunaan jenis gaya bahasa berdasarkan nada. Hal ini kerana gaya sederhana bermaksud gaya yang digunakan berdasarkan tujuan untuk menyampaikan maklumat. Dengan kata mudah, gaya bahasa sederhana lebih kepada penekanan atau memberi arahan sewaktu berkomunikasi seperti mana ucapan yang disampaikan oleh DSISY. Selain itu, beliau juga menggunakan gaya bahasa mulia dan bertenaga dengan memberi penekanan nada atau intonasi yang bertujuan untuk mempengaruhi masyarakat agar sentiasa mematuhi arahan yang telah disampaikan oleh beliau. Contoh ucapan yang disampaikan oleh DSISY dalam fasa 1 dan fasa 3 adalah seperti di bawah

Contoh 3: Penggunaan gaya bahasa sederhana serta mulia dan bertenaga

Fasa 1: Walau bagaimanapun ingin saya **tegaskan**, ianya sekatan kedua, di fasa kedua ini masih lagi membenarkan pergerakan masih lagi kedai-kedai masih lagi dibuka seperti biasa cuma mungkin dari segi kawalan masa dan sebagainya akan saya sebutkan sebentar nanti

Fasa 3: Saya perlu beri **peringatan**, jika tidak pasti jangan sesekali mengongsikannya kerana yang menyebarkan yang mengongsikannya berita palsu juga boleh di ambil tindakan yang tegas terhadap mereka yang menyebarkan berita palsu.

Fasa 3: Oleh itu, saya ingin **meminta** supaya orang ramai lebih berhati-hati sebelum menyebarkan sebarang kandungan yang diragui kesahihannya dan boleh menyemak kesahihannya berita tersebut melalui portal sebenarnya.my.

Berdasarkan contoh di atas menunjukkan bahawa ayat yang digunakan dalam ucapan DSISY pada fasa 1 dan fasa 3 terdapat penekanan aspek tenaga dalam penggunaan bahasa oleh beliau. Contohnya jelas dilihat beliau menekankan perkataan '**tegaskan**', '**peringatan**' dan '**meminta**' dalam ucapannya mengenai isu sekatan PKP dan isu berita palsu. Oleh itu, gaya bahasa berdasarkan nada juga penting dalam menyampaikan isu-isu penting kepada masyarakat bagi mencegah wabak pandemik Covid-19 ini.

4.3 *Implikasi Kajian*

Dapatan kajian daripada objektif pertama menunjukkan terdapat dua jenis gaya bahasa yang digunakan dalam ucapan sidang media wabak pandemik Covid-19 oleh DSISY iaitu gaya bahasa berdasarkan pilihan kata dan gaya bahasa berdasarkan nada. Berdasarkan dua jenis gaya tersebut terdapat pecahan kecil seperti di bawah:

a) Gaya bahasa berdasarkan pilihan kata

- i. Gaya bahasa rasmi
- ii. Gaya bahasa tidak rasmi
- iii. Gaya bahasa percakapan

b) Gaya bahasa berdasarkan nada

- i. Gaya bahasa sederhana
- ii. Gaya bahasa mulia dan bertenaga
- iii. Gaya bahasa menengah

Mengikut kategori pecahan kecil gaya bahasa di atas, pengkaji mendapati kekerapan penggunaan gaya bahasa berdasarkan pilihan kata digunakan 100% adalah gaya rasmi. Kemudian, gaya bahasa berdasarkan nada, DSISY menggunakan antara gaya sederhana serta gaya mulia dan bertenaga. Beliau menyeimbangkan penggunaan kedua gaya tersebut berdasarkan arahan yang beliau sampaikan dalam sidang media mengenai Covid-19. Selain itu, gaya bahasa yang digunakan oleh DSISY dapat dilihat keberkesannya apabila persoalan-persoalan yang sering menjadi tanda tanya rakyat berkaitan Covid-19 dapat difahami oleh mereka setelah DSISY menjawab persoalan dalam sidang media beliau. Hal ini menunjukkan gaya bahasa yang digunakan dalam menyampaikan sesuatu amatlah penting. Namun, dengan kegigihan kerajaan dalam membendung wabak ini telah mencapai tujuan walaupun tidak sepenuhnya.

Berdasarkan keseluruhan analisis yang diperolehi daripada pemerhatian pengkaji, muncul implikasi bahawa gaya bahasa yang digunakan adalah untuk menambahkan keyakinan kepada seseorang penutur untuk menyampaikan maklumat kepada pendengar.

Keyakinan dan keindahan bahasa dalam ucapan dipengaruhi oleh penutur dalam mengolah dan menggunakan bahasa dengan baik. Semua maklumat yang disampaikan melalui pemilihan kata dapat mempengaruhi pemikiran pendengar. Hal ini dapat dikesan oleh corak bagaimana gaya bahasa dalam sesuatu ucapan sidang media harian mengenai wabak pandemik Covid-19 telah digunakan oleh DSISY.

Seterusnya, pemerhatian ini memberi implikasi yang relevan kepada mata masyarakat bahawa kredibiliti DSISY yang mempunyai sifat dipercayai dan diyakini oleh masyarakat. Bermula daripada negara dilanda wabak Covid-19, DSISY yang menjadi pemimpin dalam menggalas tanggungjawab memerangi penyakit berjangkit ini dalam isu keselamatan. Menurut Siti Khatijah Yasin, Fadzli, Adam dan Siti Rokiah Ab. Rahman (2019) menyatakan bahawa jika pemimpin yang berkredibiliti tinggi masyarakat dapat menjadikan pemimpin tersebut sebagai model kepada mereka.

Kajian ini dapat membuktikan bahawa gaya bahasa paling dominan digunakan oleh DSISY adalah jenis gaya bahasa rasmi, gaya bahasa sederhana serta gaya bahasa mulia dan bertenaga. Setiap maklumat yang disampaikan mengandungi isu penting yang berulang dalam setiap fasa. Bukan itu sahaja, maklumat terperinci berkaitan isu tersebut juga semakin meningkat kepentingan maklumat tersebut daripada sebelumnya. Hal ini kerana penting untuk seorang pemimpin menyampaikan maklumat secara terperinci supaya pendengar tidak membuat kesimpulan sendiri. Hal ini adalah penting kerana kumpulan masyarakat Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai taraf kehidupan seperti B40, M40, T20. Dalam erti kata laian, penggunaan gaya bahasa tersebut juga menunjukkan komunikasi berkesan untuk menjaga kepercayaan orang ramai. Menurut Amir Aris dan Ahmad Rozelan Yunus (2016) menyatakan ciri-ciri komunikasi yang baik, efektif dan efisien mestilah menggunakan perkataan yang tepat dan ringkas serta tekanan suara yang lembut tetapi jelas. Ini dapat dibuktikan dengan jenis gaya bahasa yang digunakan oleh DSISY.

5. Kesimpulan

Hasil daripada analisis kajian mendapati bahawa terdapat penggunaan gaya bahasa yang digunakan oleh seorang pemimpin yang telah bertanggungjawab dalam memastikan keamanan negara bagi mencegah virus Covid-19 yang mampu mengancam nyawa rakyat Malaysia. Jadi, dapat disimpulkan bahawa bukan sahaja input maklumat yang ingin disampaikan itu sahaja penting malah, gaya bahasa yang digunakan juga perlu dititikberatkan dalam sesuatu ucapan kerana jika penggunaan gaya bahasa yang salah sudah pasti maklumat penting tersebut tidak berkesan kepada pendengar. Hal ini dikatakan demikian kerana ucapan yang disampaikan adalah merangkumi aspek kesihatan dan keselamatan negara. Jadi, Datuk Sri Ismail Sabri Yaakob sangat berhati-hati dalam menggunakan bahasa. Bukan itu sahaja, beliau juga sentiasa menghuraikan maksud yang disampaikan dengan sangat jelas contohnya, beliau menggunakan kata ganti nama diri '**Kita**' ketika menjawab pertanyaan daripada wartawan supaya semua pendengar lebih memahami dan berasa lebih dekat dan mesra dengan beliau. Hal ini juga boleh mengelakkan kekeliruan dan ketidakfahaman oleh rakyat Malaysia. Secara keseluruhannya dapat dijelaskan bahawa interaksi dan komunikasi oleh seorang pemimpin sebahagian besarnya dijayakan melalui bahasa dan linguistik. Oleh itu, dalam sesuatu proses kepimpinan, kepentingan bahasa memang tidak boleh diketepikan kerana sifat bahasa itu sendiri sebagai *language in use*.

Rujukan

- Amir Aris dan Ahmad Rozelan Yunus. (2016). Komunikasi Berkesan. Siri Latihan Pembangunan Staf. Dikases daripada <https://www.researchgate.net>. [6 Jun 2021].
- Arina Anis Azlan, Emma Mohamad, Jen Sern Tham & Mohammad Rezal Hamzah. (2020). Relationship Between Covid-19 Information Sources and Attitudes in Battling the Pandemic Among the Malaysian Public: Cross-Sectional Survey Study. *Journal of Medical Internet Research* 22 (11). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bernama. (2020). Ismail Sabri Bawa Pengalaman Luas dalam Pentadbiran Muhyiddin. Diakses daripada <https://www.astroawani.com> [12 Jun 2021]
- Chenail, Ronald J. (2008). *Youtube as a Qualitative Research Asset: Reviewing User Generate Videos as Learning Resources*. Nava Southeastern University, Fort Lauderdale: Florida
- Eli Syarifah Aeni & Yusep Ahmadi F. (2021). Analisis Kesalahan Diksi dan Gaya Bahasa Pidato Pejabat Pemerintahan Berkaitan Pandemi Covid-19. *Semantik*. Vol.10 (1) , 77-86.
- Fauzi Suhaimi. (2020). Fahami Perbezaan Epidemik, Endemik dan Pandemi. Diakses daripada <https://www.astroawani.com> [5 Februari 2020].
- Harishon Radzi & Nor Rasidah Mohamad Buhari. (2021). Dialek dalam Gaya bahasa Lagu Pasukan Bola Sepak di Malaysia. *Jurnal Linguistik*. Vol 25 (1), 133-147.
- Idris Aman. (2004). Bahasa dan Kepimpinan: Pengkhalayakan Wacana Perdana Menteri Dato'Seri Dr.Mahathir Mohamad. *Akademika Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*. Vol. 65 (1): 3-25.
- Kamus Dewan*. (2005). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Kamus Linguistik*. (1997). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Keraf. G. (2002). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Gramedia Pustaka Utama: Jakarta
- Keraf. G. (2010). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Gramedia: Jakarta.
- Keris Mas. (1990). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Dewan Bahasa Pustaka: Kuala Lumpur.
- Khazri Osman, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abu Dardaa Mohamad dan Ahmad Irdha Mokhtar. (2020). Keindahan Gaya Bahasa Simile dalam Hadis Ashrat Al- Sa'ah. *Jurnal Al-Turath*, Vol.5 (1). Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- MyHealth Kementerian kesihatan Malaysia. Portal Rasmi. Diakses daripada www.myhealth.gov.com [12 Jun 2021]
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2005). Pengajaran Gaya Bahasa dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* Jilid 16, 37-54.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2009). *Tatabahasa Dewan*. Jilid 3. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ninit Alfanika. (2016). Bahasa Betawi dan Gaya Bahasa Repetisi dalam Ceramah Ustad Yusuf Mansur Program Wisata Hati di ANTV. *Jurnal Gramatika*. Penelitian Bahasa dan Sastera Indonesia.
- Noremy Md. Akhir, Adi Fahrudin & Aizan Sofia Amin. (2020). Peranan Pekerja dalam Menghadapi Bencana Covid-19 di Malaysia. E-proceeding SKIM XVI. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norida Berhan & Zulkifley Hamid. (2012). Retorik Gaya dalam Membentuk Karakter Bangsa. *Jurnal Linguistik* Jilid 15.

- Noriha Basir, Mohamad Zaki Abdul Halim & Ina Suryani. (2020). Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme Melalui Perangkaan Data Kes Covid-19 di Malaysia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* Jilid 11. Edisi Khas. Universiti Malaysia Perlis
- Rahman Shaari. (1997). *Sastera Remaja dalam Pendidikan*. Dewan Sastera.
- Siti Norsyahida Mohd A. Rashid. (2016). Bahasa Sindiran dalam Ujaran Video Blog. Tesis. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Khatijah Yasin, Fadzli, Adam dan Siti Rokiah Ab. Rahman. (2019). Karakter Pemimpin Politik Dalam Memperkasakan Ketamadunan Masyarakat Malaysia. *Proceedings of The International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*. Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE). Universiti Sultan Zainal Abidin